

SULIT

MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT
MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT
BILANGAN 9 TAHUN 2021

TARIKH : 26 OKTOBER 2021 (SELASA)
MASA : 8.00 MALAM
TEMPAT : SUNWAY HOTEL, JOHOR BAHRU

HADIR

1. YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim, *D.I.M.P*
(Yang Dipertua) - Pengerusi
2. Y.A.D. Tengku Dato' Mohamed Alhaj bin
Tengku Harun, *D.S.I.S., A.M.S., P.J.K.*
Tengku Penggawa Muda Paduka Maha Bijaya
Orang Besar Daerah Kuala Langat - Ahli Majlis
3. Cik Ang Lee Yong - Ahli Majlis
4. Encik Mohd Afiq bin Mohd Tuniman - Ahli Majlis
5. Encik Mohd Safiee bin Harun - Ahli Majlis
6. Encik Wong Kim Loon - Ahli Majlis
7. Encik Gan Yee Chin - Ahli Majlis
8. Encik Lim Tou Yih - Ahli Majlis
9. Encik Razali bin Ahmad - Ahli Majlis
10. Puan Nor Aishah binti Abdul Majid - Ahli Majlis
11. Puan Rahimah binti Harun - Ahli Majlis
12. Encik Abu Bakar bin Mohamad - Ahli Majlis
13. Encik Naharanuar bin Ayob - Ahli Majlis
14. Puan Rogayah binti Ibrahim - Ahli Majlis
15. Encik Norazmi bin Mohamed Tahir - Ahli Majlis
16. Encik Lim Lip Suan - Ahli Majlis
17. YBhg. Dato' Sundararaju a/l Veerappan,
D.I.M.P., P.J.M., P.P.A. - Ahli Majlis
18. Encik Tan Wee King - Ahli Majlis
19. Puan Thanaletchumy a/p Muthusamy - Ahli Majlis

- | | | | |
|-----|---|---|---------------------|
| 20. | Encik Panalsalwa a/l R Kuppan | - | Ahli Majlis |
| 21. | Encik Zulkipli bin Said | - | Ahli Majlis |
| 22. | Encik Abd Razak bin Ramli | - | Ahli Majlis |
| 23. | TPr Haji Arpaaii bin Haji Sanat,
<i>A.M.S., P.P.T., P.K.T.</i> | - | Penolong Setiausaha |

TURUT HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|---|
| 1. | Encik Kamarulzaman bin Ahmad, <i>P.J.K.</i> | - | Pengarah Jabatan
Perbendaharaan |
| 2. | Encik Zulkefli bin Mohamed Arif, <i>P.P.T.</i> | - | Pengarah Jabatan
Kejuruteraan |
| 3. | Encik Hishamuddin bin Ismail, <i>P.P.T.</i> | - | Pengarah Jabatan
Korporat dan Pembangunan
Masyarakat |
| 4. | Tuan Haji Mazlan bin Abdul Manap | - | Pengarah Jabatan
Landskap |
| 5. | Puan Lisawati binti Abd. Karim | - | Pengarah Jabatan
Penilaian dan Pengurusan
Harta |
| 6. | Tuan Haji Fauzi bin Din, <i>P.J.K.</i> | - | Pengarah Jabatan
Khidmat Pengurusan |
| 7. | Encik Syamsol Herwan bin Ahmad | - | Pengarah Jabatan
Kawalan Bangunan |
| 8. | Puan Nordila binti Yasir | - | Pengarah Jabatan
Pelesenan |
| 9. | Puan Norain binti Mohamed | - | Pengarah Jabatan Pengurusan
Sisa Pepejal dan Kesihatan
Persekitaran |
| 10. | Puan Hashila binti Hamzah | - | Pengarah Jabatan
Penguatkuasaan |
| 11. | Encik Mohd Firdaus bin Zainal Abidin | - | Ketua Bahagian Teknologi
Maklumat |
| 12. | Tuan Haji Nordin bin Haji Hashim | - | Ketua Unit Pusat
Setempat |
| 13. | YBhg. Datin Mohaneswary a/p Batumalai
Subaramaniam | - | Ketua Unit Audit Dalam |

14. Encik Mohammad Kamal bin Mohd Ramlan, *P.P.T.* - Ketua Unit Perundangan
15. Encik Mohd Shauki bin Jamaludin - Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan
16. Encik Wan Putara Noor Shahan bin Ngadirin - Ketua Pejabat Cawangan Bandar Saujana Putra

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1. Encik Haridass a/l Ramasamy - Ahli Majlis
2. Encik Nadasan a/l Subramani - Ahli Majlis
3. Encik Yong Keh Chyn - Ahli Majlis

URUS SETIA (JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)

1. Puan Nur Hazlynda binti Sahimi - Pembantu Setiausaha Pejabat
2. Puan Rosmawati binti Othman - Pembantu Setiausaha Pejabat

PERKARA	TAJUK PERKARA		TINDAKAN
1.0	UCAPAN Pengerusi		
	<p>Mesyuarat telah dimulakan dengan bacaan Al Fatihah bagi ahli mesyuarat yang beragama Islam.</p> <p>YBhg. Dato' Pengerusi memberi salam dan mengalu-alukan kehadiran YAD Orang Besar Daerah, Ahli-Ahli Majlis, Penolong Setiausaha, Pengarah-Pengarah Jabatan dan Ketua-Ketua Unit pada mesyuarat hari ini.</p> <p>Beliau memanjatkan rasa kesyukuran kerana berjaya menyelesaikan Mesyuarat Tabung Amanah Beg Plastik dan Mesyuarat Tabung Amanah Caj Pemajuan dan ISF pada 25 Oktober 2021. Manakala Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat pada pagi tadi dan lawatan ke Ecoworld Business Park pada sebelah petang. Beliau berharap lawatan tersebut akan memberi manfaat kepada semua pihak dalam memperhalusi dan memantau pembangunan yang sedang rancak berlangsung di Kuala Langat.</p>		Makluman
2.0	PENGESAHAN MINIT MESYUARAT		
	2.1	MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT BILANGAN 8 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 27 SEPTEMBER 2021	
		Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh Encik Wong Kim Loon dan disokong oleh Encik Tan Wee King tanpa pindaan.	Makluman
3.0	PERKARA-PERKARA BERBANGKIT		
		- TIADA -	

4.0	MENIMBANG, MENERIMA DAN MELULUSKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT :		
	4.1	MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BILANGAN 9 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 11 OKTOBER 2021.	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	Makluman
	4.2	MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN AWAM BILANGAN 9 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 12 OKTOBER 2021.	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	Makluman
	4.3	MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BILANGAN 9 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 13 OKTOBER 2021.	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut :	Makluman
	4.3.1	<p><u>Perkara 4.4</u></p> <p>Encik Lim Tou Yih menyatakan caj RM 150.00 sebulan yang dikenakan kepada kedai runcit di kawasan kawalan adalah membebankan. Ini adalah kerana mereka berniaga secara kecil-kecilan dan caj ini akan meingkatkan kos operasi kedai runcit ini. Beliau menyatakan pekedai runcit ini boleh membuang sampah kedai mereka di tong sampah kampung tradisi yang telah disediakan. Oleh itu, beliau meminta cadangan untuk mengenakan caj kutipan sampah terhadap kedai runcit di kawasan kampung dapat dikaji semula.</p>	Makluman

		<p>YBhg. Dato' Pengerusi memaklumkan tong sampah kampung tradisi adalah untuk kegunaan penduduk kampung membuang sampah domestik masing-masing. Kedai runcit di kawasan kampung didapati menghasilkan sampah yang banyak dan dengan perkhidmatan kutipan sampah ini akan memudahkan pekedai untuk melupuskan sampah masing-masing.</p> <p>YBhg. Dato' Pengerusi meminta JPSPKP memastikan kontraktor melakukan kerja dengan baik dan menepati jadual waktu kutipan yang telah ditetapkan.</p>	
	4.4	MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BILANGAN 9 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 14 OKTOBER 2021.	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut :	
	4.4.1	<p><u>Perkara 3.1 dan Perkara 3.3</u></p> <p>Encik Gan Yee Chin meminta padang permainan di Jalan Mentari dan Jalan Suria, Bandar Mahkota dapat dinaiktaraf kerana permukaan padang yang tidak rata, berlubang dan menakung air. Selain itu, beliau meminta JL mengambil tindakan terhadap tanaman kontan di padang berhampiran Jalan Mentari 1B/6.</p>	JL
	4.5	MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAN BILANGAN 9 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 14 OKTOBER 2021.	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut :	
	4.5.1	Tuan Penolong Setiausaha memaklumkan Program Ops Gagak akan diadakan pada 31 Oktober 2021 dimana Majlis Perasmian akan diadakan pada jam 9.30 pagi oleh YBhg. Dato' Yang Dipertua. Tempat berkumpul adalah di Bandar Saujana Putra dan sehingga kini terdapat 63 peserta yang telah mendaftar	Makluman

		<p>untuk program tersebut. Oleh itu, Ahli Majlis yang berkelapangan dijemput untuk menghadiri Majlis Perasmian tersebut.</p>	
4.5.2	<p><u>Perkara 6.3.6</u></p> <p>Cik Ang Lee Yong ingin tahu jenis papan tanda yang akan dipasang di kawasan lapang sama ada ia akan menyatakan kawasan lapang untuk tadika/dewan dan sebagainya.</p> <p><i>Tuan Penolong Setiausaha menyatakan papan tanda pemakluman pewartaan tersebut dipasang untuk mengelakkan pencerobohan. Oleh itu, Kerajaan Negeri telah mengarahkan supaya semua kawasan lapang padang permainan ini diwartakan dan pihak Majlis mengambil inisiatif untuk memasang papan tanda tersebut sebagai pemakluman kepada orang awam. Pihak Majlis bersama-sama PDTKL akan berbincang dan mengenal pasti kawasan lapang melibatkan tapak sekolah, tapak dewan dan lain-lain untuk pemasangan papan tanda pemakluman pewartaan pada masa akan datang.</i></p>	Makluman	
4.5.3	<p><u>Perkara 6.1.2</u></p> <p>Puan Nor Aishah membangkitkan mengenai kejadian banjir kilat di Jalan Murni 6/12, Taman Langat Murni dimana air najis mengalir keluar dari tandas rumah nombor 69.</p> <p><i>Tuan Penolong Setiausaha menyatakan adalah menjadi tanggungjawab individu untuk mengosongkan tangki septik rumah masing-masing setiap 2 tahun.</i></p> <p><i>Mesyuarat dimaklumkan hujan yang lebat telah menyebabkan paras air meningkat sehingga melebihi paras tangki septik. Terdapat kemungkinan air hujan telah memasuki tangki septik tersebut.</i></p> <p><i>YBhg. Dato' Pengerusi meminta JK mengaturkan satu lawatan tapak bersama-sama JPS dan IWK untuk melihat isu ini.</i></p>	JK	

	4.6	MESYUARAT JAWATANKUASA PERKHIDMATAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BILANGAN 9 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 15 OKTOBER 2021.	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	Makluman
	4.7	MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN BILANGAN 9 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 15 OKTOBER 2021.	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut :	
	4.7.1	<p><u>Perkara 5.6.3</u></p> <p>Cik Ang Lee Yong memohon pertimbangan peruntukan khas pada tahun 2022 untuk Ahli Majlis wanita bagi mengadakan program-program wanita.</p> <p><i>YBhg. Dato' Pengerusi meminta Pengarah JKPM mengkaji perkara ini dan menyediakan kertas kerja pada Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan yang akan datang.</i></p>	JKPM
	4.7.2	<p><u>Perkara 5.3.1</u></p> <p>Encik Lim Tou Yih membangkitkan mengenai semak-samun di belakang pondok bit Polis bersebelahan bangunan Public Bank, Banting. Beliau mencadangkan pembinaan "<i>Banting Corner</i>" yang berkonsep rekreasi seperti kolam pancuran air, gazebo, restoran makanan segera dan mempunyai ruang untuk penghibur jalanan membuat persembahan.</p> <p><i>YBhg. Dato' Pengerusi memaklumkan tanah tersebut adalah milik JKPTG dan JPPH akan membuat permohonan untuk menyewa tanah tersebut kepada JKPTG. Pihak Majlis bercadang untuk membuat tapak parkir dan kawasan lapang di situ memandangkan</i></p>	JPPH

		<i>keluasan yang terhad. Ini untuk memastikan kawasan tersebut sentiasa dalam keadaan bersih.</i>	
5.0	MEMAKLUMKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:		
	5.1	MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BILANGAN 17 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 15 SEPTEMBER 2021.	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	Makluman
	5.2	MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BILANGAN 18 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 27 SEPTEMBER 2021	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	Makluman
6.0	PERKARA-PERKARA YANG DIBINCANGKAN		
	6.1	<p>KERTAS PEMAKLUMAN PELAN PEMULIHAN TAPAK BANGUNAN MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT.</p> <p>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk makluman mesyuarat seperti di Lampiran A.</p> <p>1. YBhg. Dato' Pengerusi meminta cadangan landskap dikaji semula memandangkan cadangan landskap Taman Jepun akan melibatkan kos yang tinggi.</p> <p>Selain itu, beliau mencadangkan rekabentuk pembinaan pondok pengawal dan pagar adalah berkonsep minimalis memandangkan pihak Majlis akan menduduki bangunan ini dalam tempoh 6 tahun akan datang sebelum berpindah ke bangunan baharu MPKL di Sungai Sedu.</p>	JKB

		<p>2. Encik RK Panalsalwa mencadangkan penyediaan sebuah bilik untuk Ahli Majlis.</p> <p><i>YBhg. Dato' Pengerusi memaklumkan bangunan MPKL yang sedia ada mempunyai ruang pejabat yang terhad. Namun, pembinaan bangunan baharu MPKL di Sungai Sedu telah mengambil kira keperluan bilik untuk Ahli Majlis.</i></p>	
7.0	<u>HAL-HAL LAIN</u>		
	7.1	YBhg. Dato' Sundararaju a/l Veerappan :	
	i.	<p>Beliau memaklumkan lot tanah perkuburan Kristian di Sungai Sedu telah penuh. Pada 4 Ogos 2021, pihak Persatuan ada mengemukakan surat kepada pihak Majlis berkaitan tanah perkuburan Kristian di Sungai Kelambu. Oleh itu, beliau ingin tahu cadangan untuk menyerahkan tapak tersebut kepada pihak Persatuan.</p> <p><i>Pengarah JKPM memaklumkan pihak UPUB akan membuka tawaran sebut harga dalam masa terdekat.</i></p> <p><i>Tuan Penolong Setiausaha memaklumkan pada 21 Oktober 2021, mesyuarat penyelarasan bagi menyelesaikan isu-isu kuil di Kuala Langat yang dipengerusikan oleh YB. Tuan Ganabatirau telah meminta pihak MPKL menubuhkan Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam yang akan turut membincangkan mengenai tanah perkuburan dan rumah ibadat bukan Islam. Jawatankuasa tersebut akan dianggotai oleh :</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <i>i. Pengerusi : Yang Dipertua</i> <i>ii. Penasihat :</i> <ul style="list-style-type: none"> <i>- Y.B. Tuan Haji Hasnul bin Baharuddin</i> <i>- Y.B. Tuan Lau Weng San</i> <i>iii. Ahli Jawatankuasa :</i> <i>Ahli Majlis yang bukan beragama Islam</i> <i>iv. Urus setia : Jabatan Korporat dan Pembangunan Masyarakat, MPKL</i> <p><i>Pihak Majlis akan mendapatkan garis panduan berkaitan jawatankuasa ini daripada Kerajaan Negeri.</i></p>	Makluman

		<p><i>Encik Naharanuar ingin tahu sama ada pengurusan tanah perkuburan bukan Islam ini perlu diserahkan kepada persatuan atau boleh diuruskan oleh pihak Majlis.</i></p> <p><i>YBhg. Dato' Pengerusi memaklumkan pihak Majlis akan menjaga krematorium seperti yang dilakukan oleh beberapa PBT Negeri Selangor yang lain. Selain itu, pihak JAIS telah menyerahkan pengurusan tanah perkuburan Islam di Bandar Saujana Putra kepada pihak MPKL. Manakala tanah perkuburan bukan Islam akan diserahkan kepada persatuan yang berjaya dalam tawaran sebut harga.</i></p>	
	ii.	<p>Beliau memohon pertimbangan pihak Majlis berhubung pemindahan lokasi Program Kebudayaan Etnik India Bersempena Hari Deepavali 2021.</p> <p><i>Pengarah JPL memaklumkan telah berhubung dengan IPD Kuala Langat untuk memohon ulasan diberikan dengan kadar segera.</i></p>	
8.0	UCAPAN PENANGGUHAN		
	Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik Zulkipli bin Said.		
	8.1	<p>Beliau mengucapkan salam dan selamat sejahtera kepada YBhg. Dato' Yang Dipertua, YAD. Dato' Orang Besar Daerah, Penolong Setiausaha, Ahli-Ahli Majlis dan Ketua-Ketua Jabatan. Beliau mengucapkan tahniah kepada Tuan Penolong Setiausaha yang telah dilantik sebagai Setiausaha MPKL yang baharu.</p> <p>Beliau mengucapkan terima kasih kerana diberikan peluang untuk menyampaikan ucapan penangguhan pada hari ini.</p>	Makluman
	8.2	<p>Beliau mengucapkan terima kasih kepada kepimpinan Parti Amanah Negara di semua peringkat atas kepercayaan dan sokongan yang diberikan.</p> <p>Beliau mengucapkan rasa syukur atas nikmat sihat</p>	Makluman

		dalam fasa pandemik Covid-19 yang sangat menguji ini sehingga diberikan peluang untuk berkumpul bermesyuarat pada hari ini.	
	8.3	Kuala Langat mempunyai pelbagai prasarana semulajadi yang mampu menarik perhatian umum dan belum diterokai sepenuhnya. Alam dan manusia masih mesra bersimbiosis dalam kehidupan yang lestari dan penuh cabaran.	Makluman
	8.4	<p>Beliau mengucapkan tahniah atas keyakinan iklim pelaburan yang sangat sihat untuk daerah ini yang dirujuk daripada Laporan MIDA bulan Mac 2021, pastinya adalah pemangkin untuk pemeraksanaan perancangan, merencanakan pembangunan, sistem urus tadbir dan perkhidmatan yang sentiasa terkini serta pembaikan infrastruktur atas dasar pembangunan mampan.</p> <p>Kerja-kerja meningkatkan infrastruktur asas awam sangat perlu disegerakan bagi menghadapi kemaraan terutama warga industri dari dalam dan luar Negara, sasaran yang bakal menyemarakkan sektor eko perniagaan, eko pelancongan, agro pelancongan, IKS dan mengaktifkan ekonomi domestik.</p> <p>Suntikan dana harus diseimbangkan bagi menghidupkan dan menceriakan produk-produk menarik semulajadi yang sedia ada.</p>	Makluman
	8.5	<p>Pantai Morib – infrastruktur tersusun, terbaik dan mempersona</p> <p>Pantai Kelanang – nama yang mula tersohor, infrastruktur asas pula tidak seberapa</p> <p>Sungai Langat – impian semua <i>river cruise</i> bakal menjadi kenyataan</p> <p>Tadom Hill – aqua resort di dalam rimba, tersohor di mana-mana.</p> <p>Semua telah dan akan menjadi kenyataan sama ada di bawah pengurusan pihak berkuasa atau pihak-pihak yang berminat untuk memajukan industri tersebut.</p>	Makluman

		<p>Pengusaha-pengusaha bot menyatakan bahawa berlaku peningkatan untuk sewaan bot bagi menyusuri sungai dan selat sehingga bulan Disember 2021. Permintaan amat memberangsangkan yang mampu menjana pendapat semua pihak yang perlu mendapat sentuhan segera sebagai Pihak Berkuasa Tempatan contoh negara.</p>	
	8.6	<p>Warga Kuala Langat tertunggu-tunggu dan ingin melihat kejayaan yang dicapai dalam tempoh satu tahun selepas Majlis Daerah Kuala Langat dinaiktaraf kepada Majlis Perbandaran. Biarpun ia bukan neraca terbaik sekarang, namun perlu dipaparkan prestasi, kemampuan dan kebolehpayaan dalam fasa sukar ini dimana tumbesaran pesat pembangunan tidak pernah ada rehatnya. Ramai juga yang masih menunggu munculnya kemegahan mercu tanda Kuala Langat Indah, Harmoni dan Bestari.</p> <p>Oleh itu, semua pihak perlu melihat ke hadapan untuk merealisasikan cita-cita dan harapan itu dengan penuh integriti, akauntabiliti, ketelusan dan responsif. Hal ini penting bagi meningkatkan kepercayaan rakyat dan boleh diterjemahkan dalam bentuk peningkatan pelbagai hasil cukai.</p>	Makluman
	8.7	<p>Salah satu daripada 17 aspek matlamat pembangunan lestari yang diunjurkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu adalah Bandar dan Masyarakat Yang Mampan. Jika dilihat, kualiti persekitaran dan kesejahteraan hidup masyarakat didapati semakin merosot. Peningkatan pembangunan secara berpocket, taman dalam kampung yang meningkat yang sangat mendesak, perancangan yang tepat namun perlu dipantau untuk keselesaan bersama komuniti.</p>	Makluman
	8.8	<p>Pertambahan penduduk dalam graf didapati meningkat dan menyumbang kepada peningkatan sampah-sarap di seluruh kawasan. Pemakaian Akta, peraturan, dasar dan garis panduan berkaitan hendaklah dipertingkatkan. Pencemaran dalam pelbagai bentuk yang merosakkan eko sistem adalah perbuatan yang tidak boleh dimaafkan.</p>	Makluman

		Tahap kesedaran rakyat berkaitan perkara ini didapati masih rendah berbanding rakyat di negara maju. Oleh itu, sudah tiba masa semua pihak bertindak dengan mendidik masyarakat kearah mengurus komuniti dan industri serta mempercepatkan pembinaan ISWMC.	
	8.9	<p>Kesedaran orang awam berkaitan tugas Pihak Berkuasa Tempatan adalah hanya memungut sampah dan tahap pengetahuan rakyat seperti ini perlu diubah. Oleh itu, MPKL perlu memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan sosio ekonomi dan objektif dasar negara berada pada tahap yang membanggakan.</p> <p>Oleh itu, beliau berharap agar semua warga kerja dan rakyat Perbandaran Kuala Langat dapat meneruskan gandingan dan kerjasama untuk bersama-sama melakar sejarah demi membina bandar impian.</p>	Makluman
	8.10	<p>Beliau mengakhiri ucapan dengan serangkap pantun :</p> <p>Kalau ada sumur di ladang, Boleh kami menumpang mandi, Moga pendapatan MPKL sentiasa tegak dan melintang, Setiap bulan kita bermesyuarat diluar daerah lagi.</p>	Makluman
9.0		UCAPAN PENUTUP OLEH PENERUSI	
		<p>YBhg. Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada Encik Zulkipli di atas ucapan penangguhan yang diberikan. Beliau memaklumkan Majlis Perbandaran Kuala Langat telah memenangi Pertandingan Komuniti Zon Hijau Covid-19 Kategori Bandar Sempena Bulan Kesiapsiagaan Nasional 2021. Majlis Penyampaian Hadiah akan diadakan pada 8 November 2021, jam 2.30 petang di Dewan Perdana, Putrajaya International Convention Centre yang akan disempurnakan oleh YAB. Perdana Menteri. Oleh itu, Kerajaan Negeri Selangor telah memutuskan supaya MPKL diwakili oleh YDP bersama-sama 2 wakil komuniti Pangsapuri Bandar Sungai Emas. Beliau mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang terlibat.</p>	Makluman

	Seterusnya, beliau menangguhkan mesyuarat pada hari ini.	
--	--	--

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 9.40 malam.

Disediakan oleh :

Urus Setia Mesyuarat,
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Tarikh siap : 1/11/2021

Disemak oleh :



.....
(TPr HAJI ARPAAL BIN HAJI SANAT, A.M.S., P.P.T., P.K.T.)
Penolong Setiausaha,
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Disahkan oleh :



.....
(DATO' AMIRUL AZIZAN BIN DATO' SRI ABD RAHIM, D.I.M.P.)
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh En. Tan Wee King
dan disokong oleh Puan Nor Aishah bt. Abdul Majid tanpa pindaan.

PETUNJUK :

- | | | |
|------------|---|--|
| 1. JKP | - | JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN |
| 2. JP | - | JABATAN PERBENDAHARAAN |
| 3. JPPH | - | JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA |
| 4. JPL | - | JABATAN PELESENAN |
| 5. JPP | - | JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN |
| 6. JK | - | JABATAN KEJURUTERAAN |
| 7. JKB | - | JABATAN KAWALAN BANGUNAN |
| 8. JL | - | JABATAN LANDSKAP |
| 9. JKPM | - | JABATAN KORPORAT DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT |
| 10. JPK | - | JABATAN PENGUATKUASAAN |
| 11. JPSPKP | - | JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KESIHATAN PERSEKITARAN |
| 12. BTM | - | BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT |
| 13. UU | - | UNIT PERUNDANGAN |
| 14. UAD | - | UNIT AUDIT DALAM |
| 15. OSC | - | UNIT PUSAT SETEMPAT |
| 16. COB | - | UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN |
| 17. UPUB | - | UNIT PEROLEHAN DAN UKUR BAHAN |
| 18. BSP | - | PEJABAT CAWANGAN BANDAR SAUJANA PUTRA |

rosmawati/mesyuarat mpkl 9/2021



Cadangan Pembaikan Kawasan Bangunan MPKL

**MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA
LANGAT BILANGAN 9 2021**

26 OKTOBER 2021

1.0 Latar Belakang

Kontrak pembinaan bangunan baharu MPKL telah ditamatkan pada 22 Mac 2021 dan bekas tapak pembinaan projek ini hendaklah dibaikpulih dengan kadar yang segera.

Merujuk kepada keputusan mesyuarat khas bagi pemulihan kawasan hadapan bangunan MPKL pada 11 Oktober 2021, Jabatan Kawalan Bangunan telah diarahkan untuk menjadi urus setia bagi Cadangan Pemulihan ini.


2.0 Ahli Jawatankuasa Perlaksanaan

Jabatan	Tugas
Jabatan Kawalan Bangunan	Urus setia rekabentuk konsep
Unit Pusat Setempat (OSC)	Penyediaan pelan ukur
Jabatan Perancangan Pembangunan	Penyediaan keperluan perancangan dan Tempat Letak Kereta
Jabatan Kejuruteraan	Pembangunan & Pembaikan Infrastruktur
Jabatan Lanskap	Cadangan "Hardscape & Softscape"
Unit Perolehan & Ukur Bahan	Melaksanakan proses iklan sebutharga & pemilihan kontraktor

3.0 Carta Perbatuan


Berikut adalah carta perbatuan bagi pemulihan kawasan bangunan MPKL sepertimana persetujuan mesyuarat :-

NO	Tarikh	Perancangan
1	11 Oktober 2021	Perbincangan Pemulihan Kawasan MPKL
2	20 Oktober 2021	Mesyuarat Pemulihan Kawasan Bilangan 1 : Pembentangan Pelan Ukuran Butiran yang terkini dan Pembentangan Cadangan Pelan Infrastruktur & Lanskap.
3	1 November 2021	Penyerahan lukisan akhir Pelan Infrastruktur & Lanskap.
4	15 November 2021	Lawatan tapak dan Iklan sebuttharga.
5	7 Disember 2021	Perlantikan kontraktor
6	15 Disember 2021	Mula kerja di tapak.



4.0 Status Pelaksanaan Program


4.1 Kerja-kerja Pengukuran semula dan cadangan pelan susur atur – Unit Pusat Setempat (OSC)



Unit Pusat Setempat (OSC) telah menyerahkan Pelan Ukur yang terkini pada 18 Oktober 2021 dan salinan pelan ukur terkini telah diserahkan kepada jabatan terlibat untuk tindakan selanjutnya.

Rujuk Lukisan Pelan Ukur dari Unit Pusat Setempat (OSC)


4.2.1 Cadangan Pembangunan dan Pembaikan Infrastruktur – Jabatan Kejuruteraan



4.2.2 Kos Projek

BIL	SKOP	KOS (RM)
1.	PRELIM DAN KERJA-KERJ AWALAM	6,780.00
2.	KERJA-KERJA UKUR	7,000.00
3.	PENGURUSAN LALULINTAS	6,000.00
4.	KERJA PEMBERSIHAN TAPAK	92,600.00
5.	KERJA-KERJA JALAN, DATARAN KEJAT & TLK	814,450.00
6.	KERJA-KERJA PINTU MASUK, KELUAR, TEMBOK & BOX UP	50,000.00
6.	UJIAN DI TAPAK DAN MAKMAL	7,900.00
7.	KERJA PERABOT JALAN	27,170.00
8.	KERJA-KERJA LONGKANG	85,320.00
9.	KERJA-KERJA PONDOK KAWALAN	24,500.00
10.	KERJA-KERJA LOBI	40,950.00
11.	KERJA-KERJA PAGAR	101,835.00
12.	KERJA-KERJA LAMPU AWAM	250,000.00
13.	PEJABAT OSC BARU	456,250.00
14.	KEBUK SAMPAH & KAUNTER PANDU LALU	20,000.00
	JUMLAH	1,990,755.00

4.2.2 Susun Atur pejabat OSC



4.3 Cadangan Rekabentuk “ Hardscape & Softscape ”

Landskap Taman Jepun

□ Elemen Taman jepun :

Taman Jepun atau Japanese Garden adalah taman dalam gaya tradisional Jepun. Ini ciri utama taman Jepun. Taman Jepun boleh ditemui di kawasan rumah persendirian, dalam taman bandar, dan di tanda tempat seperti istana lama. Sesetengah taman Jepun yang terkenal di Barat, dan dalam Jepun juga, dikenali sebagai taman kering atau taman batu.

Tradisi guru teh telah menghasilkan jenis lain taman Jepun dengan kehalusan yang tinggi, memamerkan kelingkasan luar bandar. Dalam budaya Jepun, pembinaan taman adalah kesenian yang tinggi, berkait rapat dengan seni berkait kaligrafi dan lukisan dakwat. Sejak akhir abad ke-19, taman Jepun telah juga diserapkan ke suasana Barat.




□ Ciri-ciri penting taman Jepun

Rekabentuk berdasarkan budaya dan amalan Jepun. Taman Jepun kebiasaan berada di pusatnya (Fokus Point) di sebuah rumah dari mana taman dipandang. Tambahan lagi pada seni bina tempat tinggal, kebun Jepun sering mengandungi elemen-elemen dibawah :

- Air, asli atau lanferm
- Batu
- Sebuah tanglung, biasanya yang dari batu
- Sebuah rumah teh atau asfaka
- Alat pemagaran seperti sebuah hedge, pagar, atau dinding dengan ciri tradisional
- Sebuah jambatan ke pulau, atau batu pijak.





Pelan Lanskap Keseluruhan












PELAN LANDSKAP KESELURUHAN
SKALA 1 : 500

Pelan Konsep Taman Jepun



Jadual Penanaman Tanaman

JADUAL PENANAMAN POKOK KESELURUHAN

SIMBOL	NAMA BOTANIKAL	NAMA TEMPATAN	TINGGI BATANG	DIAMETER BATANG	TINGGI KESELURUHAN	QUANTITI
1. POKOK SEDIADA						
	BUCIDA MOLINETTI	BLACK OLIVE	-	50~60 MM	4.0~5.0 M	8 NOS.
2. POKOK						
	BAMBUSA MULTIFLEX	ORIENTAL HEDGE BAMBOO	-	30~50 MM	4.0~5.0 M	42 NOS.
	GARCINIA SUBELLIPTICA	FUKUGI TREE	-	50~60 MM	3.0~4.0 M	33 NOS.
	MICHELIA CAMPACCA	YELLOW CAMPACCA	-	50~60 MM	3.0~4.0 M	10 NOS.
	PODOCARPUS MACROPHYLLUS	PODOCARPACEAE	-	30~50 MM	4.0~5.0 M	27 NOS.
3. RENEK						
	DURANTA ERECTA GOLD	DURANTA	-	-	400 MM	100 NOS.
	FURCRAEA VARIEGATED	FURCRAEA	-	-	900 MM	18 NOS.
	RHOEO DISCOLOR	RHOEO	-	-	200 MM	100 NOS.
4. RUMPUT						
	ZOYSIA JAPONICA	ACROCRAS JAPONICA	CLOSE TURFING			10000 M ²

Gambar Cadangan Tanaman



Bucida molinetii



Bambusa multiplex



Garcinia subellipfica



Michelia campacca



Podocarpus macrophyllus



Duranta erecta gold



Furcraea variegated



Rhoeo discolor



Zoysia japonica

4.3 Rekabentuk Konsep

1. Pintu Masuk Utama
2. Pondok Pengawal
3. Kaunter Pandu Lalu
4. Laluan Pejalan kaki
5. Anjung Utama
6. Lobi Kaunter Bersepadu

❖ Rujuk 3D

5.0 Anggaran Kos dan Cadangan Peralatan Teknologi Maklumat Bagi Bangunan OSC dan Pondok Pengawal

5.1 Pejabat Baharu Unit Pusat Setempat(OSC)

PERALATAN	Bil Unit	Harga Seunit (RM)	Jumlah Harga (RM)
RAK NETWORK	1	1000.00	1000.00
SWITCH RANGKAIAN	1	3000.00	3000.00
PORT RANGKAIAN	30	300.00	9000.00
ACCESS DOOR	2	2000.00	4000.00
AP WIFI	2	3000.00	6000.00
CCTV	10	400.00	4000.00
CCTV POE SWITCH	1	850.00	850.00
		JUMLAH	27,850.00

5.2 Bangunan Pondok Pengawal

PERALATAN	Bil Unit	Harga Seunit (RM)	Jumlah Harga (RM)
RAK NETWORK	1	1000.00	1000.00
CCTV	6	400.00	2400.00
CCTV POE SWITCH	1	850.00	850.00
CCTV NVR	1	4500.00	4500.00
TV UNTUK CCTV	1	2000.00	2000.00
PEMINDAHAN CCTV TEMPAT LETAK KERETA	1	5000.00	5000.00
		JUMLAH	15,750.00
PENDAWAIAAN RANGKAIAN DARI BILIK SERVER KE BANGUNAN BERKAITAN			
			RM 10,000.00
JUMLAH KESELURUHAN			RM 53,600.00

Sekian, Terima Kasih.